

- o Pelaksanaan Aktiviti/Program sekurang-kurangnya 12 kali setahun. Kepelbagaian aktiviti hendaklah juga diambil kira melalui 4 Gerak Kerja dan Bidang Aktiviti yang telah ditentukan oleh Jabatan/Kementerian melalui Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga, Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga dan Buku Pengurusan dan Pentadbiran Rukun Tetangga.
- o Mesyuarat Rukun Tetangga perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya 6 kali setahun. Kewangan RT- perlu direkod setiap transaksi di mana penyata bulanan akan di jana menerusi sistem e-kewangan di SISMAP.
- o Skim Rondaan Sukarela perlu ditubuhkan dan pengoperasiannya adalah diukur dari kekerapan rondaan yang dijalankan dan kes yang dilaporkan.
- o Penubuhan dan pelaksanaan aktiviti kelompok komuniti iaitu Jiran Muda, Jiran Wanita, Jiran Warga Emas dan Tunas Jiran.



### BAGAIMANA Mendapatkan GERAN RUKUN TETANGGA?

- Bagi mendapatkan Geran Rukun Tetangga, setiap KRT hendaklah kriteria yang ditentukan dalam penilaian keaktifan dapat dipenuhi sepanjang pengoperasian KRT bagi mencapai status aktif.



### SIAPAKAH YANG BOLEH DIHUBUNGI BERKAITAN KAWASAN RUKUN TETANGGA?

Bagi Kawasan Rukun Tetangga:

- Pn. Siti Soffiah binti Muhamad Taib  
Email: [soffiah.taib@perpaduan.gov.my](mailto:soffiah.taib@perpaduan.gov.my)  
Tel : 03-8883 7155
- Pn. Hazyah binti Abdul Halim  
Email : [hazyah@perpaduan.gov.my](mailto:hazyah@perpaduan.gov.my)  
Tel : 03-8883 7154



## SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS)



### APAKAH SKIM RONDAAN SUKARELA?

- Skim Rondaan Sukarela (SRS) adalah suatu rancangan / skim yang dikendalikan oleh pemastautin sukarela yang mendiami Kawasan-Kawasan Rukun Tetangga demi menjaga keselamatan kawasan kejiranan mereka melalui aktiviti kawalan dan rondaan.
- Terdapat permintaan oleh sekurang-kurangnya 20 orang penduduk yang tinggal di dalam Kawasan Rukun Tetangga.
- Berumur 18 tahun ke atas.
- Warganegara Malaysia.
- Bukan warganegara boleh terlibat di dalam Skim Rondaan Sukarela (SRS) dengan syarat hendaklah memiliki dokumen perjalanan yang sah.
- Permohonan penubuhan Skim Rondaan Sukarela boleh dibuat melalui [www.smpv2.perpaduan.gov.my](http://www.smpv2.perpaduan.gov.my)



### BAGAIMANA SAYA INGIN MENUBUHKAN SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS) DI KAWASAN TINGGAL SAYA?

- Skim Rondaan Sukarela (SRS) boleh dipohon oleh sekurang-kurangnya 20 orang pemastautin sukarela berumur 18 tahun ke atas dan mendiami di dalam Kawasan Rukun Tetangga melalui Laman Web Sistem Maklumat Perpaduan versi 2.0 di pautan [www.smpv2.perpaduan.gov.my](http://www.smpv2.perpaduan.gov.my); atau
- Dengan melengkapkan Bahagian A Borang Enam yang boleh diperolehi daripada Pejabat Perpaduan Daerah / Bahagian di seluruh negara. Borang permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Rukun Tetangga untuk ditandatangani dan Pengerusi Jawatankuasa Rukun Tetangga seterusnya akan menghantar permohonan kepada Pegawai Perpaduan Daerah / Bahagian untuk semakan sebelum dimajukan kepada Pengarah Perpaduan Negeri untuk sokongan dan akhirnya kelulusan oleh Ketua Pengarah Rukun Tetangga.



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL



(FAQ)

# SOALAN LAZIM

JENTERA PERPADUAN  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT  
DAN KEJIRANAN

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN  
INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)

<https://www.jpnin.gov.my>

## BAHAGIAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT DAN KEJIRANAN (BPMK)

### KAWASAN RUKUN TETANGGA (KRT)



### APAKAH ITU KAWASAN RUKUN TETANGGA?

- Skim Rukun Tetangga telah diperkenalkan pada tahun 1975 berikutan dengan berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 di bawah Ordinan Darurat 1969.

- Skim ini telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri pada 29 Ogos 1975 dalam Sektor Rukun Tetangga Kampung Kasipillay, Kuala Lumpur.

- Penubuhan awal Skim Rukun Tetangga untuk memastikan keselamatan penduduk di kawasan - kawasan tertentu berikutan kejadian yang menggugat perpaduan nasional pada ketika itu.

- Pada peringkat awalnya, Skim Rukun Tetangga ini berfungsi bagi mengawal keselamatan kawasan kediaman. Skim ini merupakan suatu langkah yang membolehkan rakyat sendiri mengawal dan menjaga keselamatan kawasan kediaman mereka berikutan dengan beberapa kejadian yang mengancam keselamatan negara pada waktu itu.

- Dengan itu, tumpuan telah diberi kepada tugas rondaan yang diwajibkan kepada penduduk yang berumur di antara 18 hingga 55 tahun yang menetap dalam kawasan Sektor Rukun Tetangga.

- Mulai 1 Januari 1983, kerajaan telah menyusun semula Skim Rukun Tetangga berkonsepkan semangat kejiranan untuk memperkukuhkan perpaduan di kalangan komuniti setempat.

- Berdasarkan keperluan semasa, Ordinan Darurat telah dimansuhkan pada tahun 2011. Satu undang-undang telah digubal dan dinamakan Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751) berkuatkuasa pada 22 Jun 2012.

- Akta ini memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga sebagai peneraju keharmonian, keselamatan dan perkhidmatan kepada komuniti.



### BAGAIMANA MENUBUHKAN KAWASAN RUKUN TETANGGA?

Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui Laman Web Sistem Maklumat Perpaduan Versi 2.0:

- Permohonan dibuat oleh orang awam.
- Pemohon membuka Sistem Maklumat Perpaduan dan mendaftar di Akaun Baru.
- Pemohon perlu mendaftar sebagai pengguna Sistem Maklumat Perpaduan Versi 2.0.
- Selepas pendaftaran, pemohon akan log masuk ke dalam SISMAP dan Klik menu Penubuhan KRT Baharu dan pilih sub menu Permohonan Cadangan Nama KRT.
- Pemohon akan memberikan cadangan nama Kawasan Rukun Tetangga di dalam Halaman Permohonan Cadangan Nama KRT.
- Tindakan yang perlu dilakukan oleh pemohon adalah:
  - Masukkan maklumat Nama Pemohon, No Kad Pengenalan dan No Telefon akan dipaparkan mengikut akaun pengguna yang didaftarkan.
  - Masukkan maklumat Alamat pemohon, Negeri, Daerah, Cadangan nama KRT dan Alamat cadangan KRT.
  - Klik pada "Hantar Borang Permohonan" - permohonan dihantar kepada Penolong Pengarah Rukun Tetangga.

- Penolong Pengarah Rukun Tetangga akan meneliti perkara-perkara berikut sebelum mengesahkan permohonan:
  - Meneliti nama Kawasan Rukun Tetangga sama ada bersesuaian ataupun tidak Pegawai perlu laksanakan lawatan untuk menentukan persempadanan kawasan Rukun Tetangga dan meneliti sama ada persempadanan kawasan yang dipohon tidak bertindih dengan KRT sedia ada.
  - Jawatankuasa Pencadang mengadakan Mesyuarat Perjumpaan Penduduk dengan menjemput Penolong Pengarah Rukun Tetangga memberikan taklimat berkenaan Penetapan Kawasan Rukun Tetangga dan lain-lain perkara yang berkaitan.

- Setelah penetapan Rukun Tetangga mendapat sokongan baik dari penduduk dan menepati kriteria penetapan KRT seperti di para 2, Penolong Pengarah Rukun Tetangga boleh membuka SISMAP dan memilih untuk mengesahkan permohonan.

- Seterusnya, pemohon melengkapkan perkara-perkara berikut dalam permohonan melalui SISMAP:

- Profail Rukun Tetangga
- Melampirkan Peta Lakar dan Deskripsi Kawasan
- Senarai Penaja
- Klik hantar
- Pemohon hendaklah menyimpan no.Rujukan Permohonan untuk semakan status permohonan melalui SISMAP.

- Permohonan Penubuhan Kawasan Rukun Tetangga akan diproses di peringkat Pejabat Perpaduan Daerah, Pejabat Perpaduan Negeri dan Ibu Pejabat.

- Permohonan penetapan KRT akan diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penetapan, Pembatalan dan Pengoperasian kawasan Rukun Tetangga.



### BAGAIMANA PENILAIAN KEAKTIFAN KAWASAN RUKUN TETANGGA?

- Penilaian keaktifan KRT akan dilaksanakan setiap hujung tahun untuk menilai tahap pencapaian setiap KRT bagi menentukan status keaktifan KRT.

- Penilaian keaktifan merangkumi penilaian melalui Sistem Maklumat Perpaduan Versi 2.0 dan juga penilaian oleh Pegawai Perpaduan Daerah melalui hasil pemerhatian dan semakan secara fizikal.

- Perkara-perkara yang akan dinilai melalui SISMAP dan penilaian fizikal adalah merangkumi perkara berikut:

- Penyediaan Profail Kawasan Rukun Tetangga



### BERAPAKAH TEMPOH MASA YANG DIAMBIL UNTUK SESEBUAH SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS) DILULUSKAN?

- Jika semua maklumat yang dikemukakan adalah benar, betul dan tepat, maka, kelulusan boleh diperolehi dalam tempoh masa seminggu dari tarikh permohonan sampai di ibu pejabat.



### BAGAIMANA CARA UNTUK MENGENDALIKAN AKTIVITI RONDAAN?



Anggota - anggota peronda boleh merujuk kepada Buku Panduan Pengendalian Skim Rondaan Sukarela, kaedah dan prosedur untuk melakukan aktiviti rondaan.



### ADAKAH PIHAK-PIHAK YANG MERONDA DI BAWAH SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS) LAYAK DIBERI CUTI REHAT SETELAH SELESAI MENJALANKAN RONDAAN?

- Anggota perkhidmatan awam yang menjalankan tugas rondaan mulai jam 12.00 malam untuk tempoh sekurang-kurangnya empat (4) jam berturut-turut layak dipertimbangkan pemberian pelepasan bekerja oleh Ketua Jabatan masing-masing. Tempoh pelepasan bekerja adalah bersamaan 4 jam sahaja dan selepas tempoh tersebut, anggota perkhidmatan awam dikehendaki melapor diri bertugas di pejabat masing-masing. Kemudahan pelepasan bekerja belum lagi dipanjangkan kepada sektor swasta dan oleh yang demikian, anggota peronda boleh memohon budi-bicara majikan masing-masing untuk mendapatkan pelepasan bekerja.



### ADAKAH PERALATAN RONDAAN DISEDIAKAN KEPADA PERONDA-PERONDA SEMASA MENJALANKAN TUGAS RONDAAN?

- Peronda-peronda yang bertugas menjalankan tugas rondaan akan dibekalkan dengan baju vest, topi, lampu picit, wisel, baton light, peti pertolongan cemas, rotan dan baju hujan. Peralatan di atas hendaklah disimpan oleh Jawatankuasa Skim.



### APAKAH KUASA YANG ADA PADA PERONDA-PERONDA SEMASA MEREKA MENJALANKAN TUGAS RONDAAN?

- Menurut Peraturan 271 [peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga)1975(Pindaan)1988] menjelaskan bahawa anggota peronda semasa menjalankan tugas rondaan di dalam kawasan yang dibenarkan meronda dengan syarat semasa menjalankan tugas rondaan tertakluk kepada arahan dan kawalan Pengarah, Jawatankuasa Skim dan Ahli Jawatankuasa Skim.



### ADAKAH ANGGOTA PERONDA DIBERI KUASA MELAKUKAN TANGKAPAN?

- Menurut Peraturan 271 [peraturan-Peraturan Perlu Peronda yang menjalankan tugas rondaan dibenarkan melakukan tangkapan (citizen arrest) sebagaimana termaktub di bawah Seksyen 27 Kanun Prosedur Jenayah iaitu menangkap mana-mana orang yang melakukan kesalahan boleh tangkap dan tidak boleh dijamin, yang berlaku pada pandangannya (depan mata) dan menyerahkan orang yang ditangkap kepada pegawai polis yang hampir sekali atau menghantar orang yang ditangkap ke balai polis yang berhampiran sekali.



### APAKAH BENTUK PERLINDUNGAN YANG DIBERI KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA PERONDA JIKA BERLAKU SESUATU YANG TIDAK DIINGINI SEPERTI KEMALANGAN ATAU KECEDERAAN?

Semua anggota peronda Skim Rondaan Sukarela (SRS) di beri perlindungan insuran kemalangan diri berkelompok dengan faedah-faedah berikut:

- Kematian (semasa bertugas) akibat kemalangan, Denggi, Malaria, Japanese Encephalitis, Chikungunya, Leptospirosis= RM 40,000.00
- Kematian (luar waktu bertugas) akibat kemalangan, Denggi, Malaria, Japanese Encephalitis, Chikungunya, Leptospirosis = RM20,000.00
- Kecacatan Kekal Menyeluruh (semasa bertugas) akibat kemalangan = RM 20,000.00
- Kecacatan Tidak Kekal (semasa bertugas) akibat kemalangan, Denggi, Malaria, Japanese Encephalitis, Chikungunya, Leptospirosis (maksima 60 hari setahun) = RM100.00/hari

- Elaun Hospital (semasa bertugas) akibat kemalangan, Denggi, Malaria, Japanese Encephalitis, Chikungunya, Leptospirosis (maksima 60 hari setahun) = RM100.00/hari
- Perbelanjaan perubatan (semasa bertugas) akibat kemalangan, Denggi, Malaria, Japanese Encephalitis, Chikungunya, Leptospirosis (maksima 60 hari setahun) = RM 2,000.00
- Pembelian Alat Ganti Palsu & Kerusi Roda (sewaktu bertugas) akibat kemalangan = RM2,000.00
- Khairat Kematian akibat (semua sebab) = RM 2,000.00
- Bantuan Covid\_19 (500 kes pertama, maksimum RM125,000) = RM 250/kes\*



### BAGAIMANAKAH CARA UNTUK MENUBUHKAN SKIM RONDAAN SUKARELA?

- Merujuk kepada Akta Rukun Tetangga 2012-Seksyen 15, Skim Rondaan Sukarela (SRS) ini merupakan salah satu program teras di bawah RukunTetangga (RT). Ini menjadikan mana-mana Kawasan kediaman yang memerlukan SRS perlu menubuhkan RT terlebih dahulu. Permohonan SRS ini adalah datangnya dari penduduk ke JKRT untuk diminitkan sebelum proses selanjutnya diambil oleh Pegawai Perpaduan Daerah/Bahagian.



### SIAPAKAH YANG BOLEH DIHUBUNGI BERKAITAN SKIM RONDAAN SUKARELA?

#### Bagi Skim Rondaan Sukarela:

- Pn Nur Ain Binti Kamal  
Email: nurain.kamal@perpaduan.gov.my  
Tel : 03-8883 7126
- Pn Sofiza Marina Binti Mohd Zaki  
Email : sofiza@perpaduan.gov.my  
Tel : 03-8883 8586

